



11 November 2017  
The Gallery, Grand Hyatt Singapore



**Berita Harian**







# Anugerah Guru Arif Budiman 2017

11 November 2017  
The Gallery, Grand Hyatt Singapore



**Berita Harian**



## Atur cara

- 1000 Pendaftaran
- 1030 Forum Ibu Bapa 'Anak Gembira, Anak Berjaya'  
Puan Nafisah Md Ma'amun Suheimi  
Puan Norafizah Shariff  
Puan Farizan Md Amin
- 1115 Penyampaian cenderamata kepada para panelis  
Penutup bicara  
Prof. Madya Muhammad Faishal Ibrahim  
Setiausaha Parlimen Kanan, Kementerian  
Pembangunan Sosial dan Keluarga & Kementerian  
Pendidikan
- 1130 Ketibaan Tetamu Terhormat  
Encik Ng Chee Meng  
Menteri Pendidikan (Sekolah-sekolah) & Menteri  
Kedua Pengangkutan
- 1140 Persembahan Dikir Barat  
Sekolah Rendah Lakeside
- 1150 Ucapan Pengerusi Bersama AGAB
- 1200 Ucapan Tetamu Terhormat
- 1215 Pembacaan Watikah
- 1230 Penyampaian Anugerah kepada Penerima AGAB  
dan Finalis AGAB 2017
- 1245 Makan Tengah hari  
Majlis Berakhir

# Anugerah Guru Arif Budiman

Anugerah Guru Arif Budiman (AGAB) diperkenalkan pada tahun 2007 untuk mengiktiraf sumbangan guru Bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah. Dengan usaha dan iltizam yang tinggi untuk melestarikan dan memajukan bahasa, sastera dan budaya Melayu dalam pendidikan, guru-guru penerima AGAB merupakan suri teladan kepada guru Bahasa Melayu yang lain.

## Objektif Anugerah Guru Arif Budiman

Arif Budiman ialah visi pendidikan Bahasa Melayu di Singapura dan anugerah ini bertujuan mencapai objektif yang berikut:

- mengiktiraf guru Bahasa Melayu atas sumbangan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah,
- mengiktiraf dan menyokong sumbangan guru Bahasa Melayu melestarikan dan memajukan bahasa, sastera dan budaya Melayu dalam pendidikan; dan
- mengiktiraf guru-guru yang cemerlang sebagai guru teladan dalam usaha memperjuangkan dan memajukan bahasa Melayu.

## Takrif 'Arif Budiman'

'Arif Budiman' bermaksud insan berilmu pengetahuan yang berbakti kepada masyarakat. Seseorang yang berciri Arif Budiman mempunyai kekuatan kognitif, moral, emosi dan sosial. Antara ciri-ciri Arif Budiman termasuklah arif atau berpengetahuan tentang bahasa, budaya, nilai dan sastera dan mempamerkan sikap berbudi bahasa serta sentiasa bersedia menabur budi.

## Gelar dan Jenis Anugerah

Dua bentuk Anugerah Guru Arif Budiman (AGAB) dalam empat kategori ditawarkan setiap tahun, iaitu:

- Anugerah Guru Arif Budiman – Teladan (Sekolah Rendah)
- Anugerah Guru Arif Budiman – Perangsang (Sekolah Rendah)
- Anugerah Guru Arif Budiman – Teladan (Sekolah Menengah/ Prauniversiti)
- Anugerah Guru Arif Budiman – Perangsang (Sekolah Menengah/ Prauniversiti)

Anugerah Guru Arif Budiman Kategori Teladan diberikan kepada guru Bahasa Melayu yang cemerlang dan telah berkhidmat sebagai guru sekurang-kurangnya 10 tahun. Anugerah Guru Arif Budiman Kategori Perangsang pula diberikan kepada guru Bahasa Melayu yang cemerlang dan telah berkhidmat sebagai guru kurang daripada 10 tahun.

Sejak diperkenalkan pada tahun 2007, seramai 45 guru Bahasa Melayu telah menerima Anugerah Guru Arif Budiman. Mereka ialah:

Tahun	Pemenang		
2007	Mohd Naim Daipi Ishak Abdul Latiff	Elmi Zulkarnain Osman Nur Ashikin Sapri	
2008	Salina Hussin Mohd Khir Sapuan	Sazali Sahri Abdul Malek Ahmad	
2009	Halimatussa'diah Jaffar Haryati Surana	Aryanti Mohd Mudakir Noraishah Mostapa	
2010	Muliana Mohammad Nurisham Ismail	Norashikin Abdul Hamid Hafsah Mohd Kassim	Haniza Abdul Manan
2011	Aryanti Sukaimi Farizan Md Amin	Salha Mohamed Hussain	
2012	Safidah Samsudin Massuniza Ismail	Supandi Djoeraemi Muslim Hanafiah	
2013	Norwati Sulaiman Rasidah Mohd Rasit	Nazarudin Abdul Bakar Rashidah Rajah	Effendy Ahmadi Muhammad Irwan Jamal
2014	Azizah Shaik Abdul Kadir Zaleha Ahmad	Yahida Yahya Ridzuan Abraham	Nuraina Mohamed Sin Nurbayah Ismail
2015	Norazlina Abdul Jalil Nurisha Hamid	Nur'Abidah Abdul Rahman Marliana Mohd Rashid	
2016	Norafzah Shariff Rashidah Abdullah	Azah Abdul Aziz Azhar Abdul Rashid	Siti Zainab Zainal

# **Jawatankuasa Penganjur AGAB 2017**

Anugerah Guru Arif Budiman 2017 dianjurkan oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS), Persatuan Guru Bahasa Melayu Singapura (PGBM) dan Berita Harian (BH) dengan sokongan Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC).

Jawatankuasa Penganjur AGAB 2017 terdiri daripada:

- Penasihat:** Dr Intan Azura Mokhtar (MBMS)
- Pengerusi Bersama:** Encik Abdul Harris Sumardi (PGBM)  
Encik Mohd Saat Abd Rahman (BH)  
Encik Zafilin Abdul Hamid (MLLPC)
- Timbalan Pengerusi:** Encik Tajudin Jaffar (MBMS)
- Anggota:** Encik Esfan Rizal Rahwom (PGBM)  
Encik Abdul Khalik Saidin (PGBM)  
Nurul 'Ain Razali (BH)
- Sekretariat :** Cik Rita Goh (MBMS)  
Cik Siti Fazila Ahmad (MLLPC)  
Cik Murshidah Hassan (MLLPC)  
Cik Nur Fa'izah Matnoor (MLLPC)  
Cik Nur Sifa Hussin (MLLPC)  
Cik Mislimah Misti (MLLPC)  
Encik Nasrudin Raja Sulaiman (MLLPC)



**Berita Harian**







### **Prof Madya Muhammad Faishal Ibrahim**

Setiausaha Parlimen Kanan (Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga);  
Pengerusi Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS); dan  
Pengerusi Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC)

Cikgu – gelaran keramat berisi azimat. Insan yang menabur bakti membekalkan ilmu di dada. Sahsiah anak didik menjadi keutamaan. Setiap tegur nasihat terkandung berkat. Setiap patah kata terkandung panduan kehidupan. Setiap tutur bicara menjadi halwa jiwa nurani manusiawi. Begitulah gambaran seorang guru. Guru wira bangsa yang membentuk generasi masa depan negara.



Majlis Anugerah Guru Arif Budiman (AGAB) 2017 meraikan kedalaman ilmu dan ketinggian nilai budiman guru Bahasa Melayu. Anugerah ini begitu bermakna bagi masyarakat Melayu kerana guru Bahasa Melayu kitalah yang menjadi pemegang obor yang meneruskan hala tuju bahasa, budaya, sastera dan nilai Melayu kita. Ilmu yang dicurahkan serta tunjuk ajar yang diberi membimbing anak-anak kita menjadi seorang manusia yang berguna kepada keluarga, masyarakat dan negara.

AGAB 2017 merupakan kerjasama Majlis Bahasa Melayu Singapura, Berita Harian, Persatuan Guru Bahasa Melayu Singapura dan Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu. Anugerah ini melambangkan usaha masyarakat untuk menunjukkan penghargaan kepada guru-guru Bahasa Melayu. Jasa guru-guru tiada galang ganti. Bakti mereka tidak ternilai. Semoga penganugerahan ini meniupkan semangat guru Bahasa Melayu kita untuk terus memartabatkan bahasa Melayu dan merealisasikan visi Arif Budiman.



*Dialah pemberi paling setia  
Tiap akar ilmu miliknya  
Pelita dan lampu segala  
Untuk manusia sebelum jadi dewasa.*

*Dialah ibu dialah bapa juga sahabat  
Alur kesetiaan mengalirkan nasihat  
Pemimpin yang ditauliahkan segala umat  
Seribu tahun katanya menjadi hikmat.*

*Petikan daripada sajak  
(‘Guru Oh Guru’ oleh Usman Awang, 1979)*

**Syabas dan tahniah!**



### **Dr Intan Azura Mokhtar**

Anggota Parlimen GRC Ang Mo Kio,  
Ahli Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS)

Mendidik merupakan satu tanggungjawab dan komitmen terhadap pembentukan nilai-nilai murni para pelajar dalam usaha mencapai visi insan yang arif lagi budiman.

Kerjaya sebagai seorang pendidik pada masa ini bertambah rencam. Selain memastikan para pelajar yang dididik kaya dengan ilmu pengetahuan, pendidik juga perlu membina perkembangan sosio-emosi anak didik mereka. Amat mengembirakan sekali apabila guru-guru kita kini sentiasa berusaha gigih menaik taraf tahap keprofesionalan mereka. Semua ini dilakukan untuk memenuhi keperluan pembelajaran dan mengenali jati diri anak didik mereka.

Kerjasama pihak sekolah dan ibu bapa memainkan peranan yang sangat penting dalam proses pendidikan seseorang insan. Di samping itu, pengemblengan usaha antara masyarakat juga sama penting bagi mewujudkan sebuah persekitaran yang kaya dengan para ilmuan, dan dalam membentuk keperibadian sesebuah masyarakat.

Untuk meraikan sumbangan para guru dan peranan mereka, Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS), Persatuan Guru Bahasa Melayu (PGBM), Berita Harian (BH) dan Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC) telah bekerjasama untuk menjayakan Anugerah Guru Arif Budiman (AGAB) khas untuk guru-guru Bahasa Melayu yang cemerlang.

Tahun ini merupakan tahun ke-11 AGAB dianjurkan. Setakat ini, seramai 45 orang guru telah diiktiraf. Dengan adanya pengiktirafan AGAB, usaha ini diharap akan dapat memberi perangsang kepada guru-guru untuk mencontohi semangat dan dedikasi para penerima AGAB. Sumbangan-sumbangan yang cemerlang ini diharap akan berterusan dari generasi ke generasi.

Budi yang ditaburkan oleh para pendidik pada hari ini akan terus mekar dan meninggalkan kesan yang mendalam dalam diri anak didik mereka.



*Kukuh berdiri tembok dermaga,  
Deras ombak tempias terkena;  
Jasamu guru terlalu berharga,  
Ilmu ditabur, generasi dibina.*



Saya mengucapkan tianah kepada para penerima AGAB 2017. Semoga usaha murni anda akan terus membentuk dengan positif persekitaran pendidikan kita dan menjadi perangsang kepada generasi yang akan datang.




### Encik Wan Imran Mohamed Woojdy

Presiden

Persatuan Guru Bahasa Melayu (PGBM)

Salam sejahtera,

Syabas dan tahniah kepada semua penerima Anugerah Guru Arif Budiman (AGAB) tahun 2017. Anugerah ini merupakan amanah untuk cikgu-cikgu agar terus menabur bakti mendidik anak bangsa dan memakmurkan kekaryawanan guru.



*Anak sembilang di tapak tangan,  
Pohon gaharu tumbuh di taman;  
Andai terbilang dilupa jangan,  
Amanah guru arif budiman.*

*Pohon gaharu tumbuh di taman,  
Guru bahasa pendidik bangsa;  
Amanah guru arif budiman,  
Ilmu diraih sepanjang masa.*

*Guru bahasa pendidik bangsa,  
Pikul amanah hingga terlena;  
Ilmu diraih sepanjang masa,  
Mendidik ia dengan bijaksana.*

*Pikul amanah hingga terlena,  
Arif Budiman jadi pedoman;  
Mendidik ia dengan bijaksana,  
Jasa diingat sepanjang zaman.*

*Arif Budiman jadi pedoman,  
Mulut menyebut hati mengenang;  
Jasa diingat sepanjang zaman,  
Perginya ia meninggalkan belang.*

*Mulut menyebut hati mengenang,  
Ilmu yang tinggal tak lupuk dek hujan;  
Perginya ia meninggalkan belang,  
Itulah warisan Arif Budiman.*

Syabas sekali lagi kepada semua penerima AGAB 2017. Teruslah berjuang menegakkan nilai dan memperkasa ilmu; mengarifkan yang budiman dan membudimankan yang arif.

Wassalam.

## *Sirih Setepak*



**Encik Abdul Harris Sumardi**  
Naib Presiden  
Persatuan Guru Bahasa Melayu (PGBM)

**Encik Mohd Saat Abdul Rahman**

Editor  
Berita Harian (BH)



**Encik Zafilin Abdul Hamid**  
Ahli, Jawatankuasa Pembelajaran dan  
Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu  
(MLLPC)

Perubahan merupakan sesuatu yang konsisten dalam kehidupan kita. Perubahan memerlukan kemahiran yang relevan untuk mengupayakan kita menyesuaikan diri dengan keperluan semasa. Pelbagai bidang kerjaya perlu bergerak sama dengan arus perubahan dunia. Bidang pendidikan dan kerjaya guru tidak terkecuali.

Namun, satu perkara yang sama tersemat dalam hati setiap guru; iltizam untuk mendidik generasi kini dan masa depan.

Peranan setiap guru penting dalam membina peradaban. Bagi guru Bahasa Melayu, amanah ini meliputi tugas menyepadukan pengajaran bahasa yang teknikal dan budaya yang lebih lembut sifatnya. Suatu tugas yang amat mencabar dalam lanskap bahasa negara kita kini.

Oleh itu, usaha sedemikian perlu kita sanjung dan raikan. Inilah teras Anugerah Guru Arif Budiman atau AGAB. Menerusi AGAB, kita mahu mengiktiraf sumbangan guru Bahasa Melayu di negara kita sepanjang tahun.

Tahniah kepada semua penerima AGAB tahun ini. Calon-calon telah melalui beberapa proses dan dinilai oleh karyawan dan tokoh-tokoh masyarakat kita. Dengan penganugerahan ini, kami berharap para penerima AGAB dapat terus menjadi suri teladan yang arif lagi budiman kepada pelajar, rakan-rakan seperjuangan dan masyarakat secara amnya.

Semoga cahaya daripada obor para penerima AGAB terus menyinari kehidupan anak-anak Singapura!

Sekian, terima kasih.



## Arca AGAB 2017



Padi – simbol kelangsungan hidup insan, semakin sarat berisi semakin merendah tunduk pokoknya. Begitulah juga diharap akan hati, budi dan daya orang berilmu.

Arca ini memaparkan untaian padi yang melentok dan membentuk huruf pertama 'Guru' – guru sebagai insan berilmu, kekal membumi bak pokok padi yang sarat berisi.

Insan bergelar guru ini akan terus membentuk dan mendidik anak bangsa dan berbakti demi melahirkan masyarakat cemerlang dan terbilang.



# **Forum AGAB 2017 Anak Gembira, Anak Berjaya**



## Panelis



### **Puan Nafisah Md. Ma'mun Suheimi**

Puan Nafisah Md. Ma'mun Suheimi ialah Pelatih dan Perunding cara ARK EduFrontier. Beliau seorang pendidik yang berpengalaman dan berminat dalam bidang penyelidikan serta pembangunan potensi dan prestasi melalui gaya pembelajaran yang pelbagai, pembangunan minda, kecerdasan emosi serta ciri-ciri keibubapaan yang berkesan. Minatnya dalam bidang Neuro-Linguistic Programming (NLP) serta Kecerdasan Emosj (EQ) telah mendorong Puan Nafisah mengintegrasikan NLP dan EQ ke dalam program latihan dan kurikulum pendidikan, keibubapaan, pembinaan perhubungan serta pembangunan peribadi. Beliau memegang ijazah Sarjana Pendidikan (Pembangunan Awal Kanak-kanak) dari Universiti Teknologi Queensland, Australia, dan ijazah Sarjana Muda Sains dari Universiti Nasional Singapura (NUS). Beliau pernah mengajar di sebuah sekolah rendah selama lebih dari 10 tahun (Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains) dan Ketua Jabatan (Bahasa Inggeris) selama 7 tahun sebelum menceburi bidang pendidikan awal kanak-kanak.

Sejak itu, beliau telah melibatkan diri dalam pembangunan program serta pengendalian ceramah, seminar, bengkel dan latihan bagi guru-guru, ibu bapa, remaja, pelajar, keluarga, ahli profesional dan sukarelawan.

Beliau pernah berkhidmat sebagai pensyarah separuh masa bagi program Diploma Pendidikan, anjuran bersama MUIS, AEC dan Universiti Edith Cowan serta Penyelia Praktikum para pelatih guru di NIE, NTU.

Beliau merupakan Duta Ibu Bapa MOE dan pernah memberikan ceramah di Seminar Keibubapaan Zon, MOE (2011 dan 2012) dan telah berkhidmat sebagai ahli Majlis Penasihat COMPASS (Community & Parents in Support of Schools) sejak 2013 hingga kini. Beliau juga seorang PSG Mentor yang dilantik oleh MOE untuk membimbing pemimpin PSG dalam kerjasama dengan sekolah. Puan Nafisah juga memulakan projek, PSG Online Resources, dengan COMPASS Parent Reps yang telah dipaparkan dalam laporan SGFuture pada 2016. Puan Nafisah juga duduk di Lembaga Pendidikan Wajib (Compulsory Education Board) di MOE.

## Sinopsis

Kadar keahlian dalam Kumpulan Sokongan Ibu Bapa (Parent Support Group) rata-rata telah meningkat. Ramai ibu bapa yang menggunakan peluang menjadi ahli Kumpulan Sokongan Ibu Bapa sebagai satu langkah permulaan untuk merapatkan diri dengan anak-anak, menyokong perjalanan pendidikan mereka dan mengenali sekolah serta para guru dengan lebih rapat.

Kumpulan Sokongan Ibu Bapa (PSG) berperanan untuk menyokong program yang dijalankan oleh sekolah agar kesejahteraan serta pembelajaran anak-anak dapat dipertingkatkan. Selain itu, PSG juga berperanan sebagai jambatan antara sekolah dan ibu bapa yang lain – menerima maklum balas daripada ibu bapa lain mengenai program, amalan serta operasi sekolah dan memberi maklum balas tersebut kepada pihak sekolah. Dalam erti kata lain, Kumpulan Sokongan Ibu Bapa membantu memudahkan komunikasi antara sekolah dan ibu bapa yang lain. Ibu bapa yang melibatkan diri secara aktif dalam PSG lebih mampu menarik ibu bapa lain menyertai PSG.

Dengan melibatkan diri secara aktif dalam PSG, ibu bapa dapat memahami cara sekolah mengendalikan pelbagai program dan secara tidak langsung, membantu ibu bapa menerapkan strategi yang memenuhi keperluan anak-anak serta menyokong pembelajaran mereka di rumah. Kajian menunjukkan bahawa anak-anak yang mempunyai ibu bapa yang melibatkan diri secara aktif dalam perjalanan pendidikan mereka membantu anak-anak ini mempunyai jati diri yang tinggi, lebih berdisiplin, mempunyai sikap yang positif dan bermotivasi untuk belajar.

## Panelis



### Puan Norafizah Shariff

bekerjasama dengan organisasi-organisasi serta institusi-institusi untuk perkembangan holistik para pelajarinya.

## Sinopsis

Pelibatan ibu bapa di sekolah merupakan aspek terpenting untuk memastikan setiap pelajar mendapat pendidikan yang holistik. Ibu bapa berganding bahu dengan pihak sekolah untuk memastikan perkembangan yang positif dapat dilihat dalam diri anak mereka. Apabila ibu bapa menyertai kumpulan sokongan ibu bapa dan program-program yang dilakarkan bersama mereka dapat berkongsi pandangan serta mempertajam kemahiran keibubapaan dalam mendidik anak-anak.

Ibu bapa sebenarnya merupakan guru pertama anak-anak. Setelah mereka memasuki alam persekolahan barulah tanggungjawab itu dikongsi bersama dengan para guru. Perkongsian dan kerjasama ini memerlukan kedua-dua pihak sentiasa berhubung; umpama aur dengan tebing - perlu ada hubungan yang rapat dan saling membantu. Ibu bapa dan pihak sekolah mempunyai harapan yang sama untuk memastikan kedua-dua pihak sealign dalam menentukan hala tuju pelajar.

Pelbagai program telah disediakan oleh pihak sekolah untuk membantu ibu bapa memainkan peranan lebih besar dalam pembangunan anak-anak. Antaranya termasuklah:

1. *Positive Parenting Programme (Triple P)*
2. *Family Matters @ School* – seminar-seminar anjuran Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga (MSF)
3. Bengkel keibubapaan anjuran MSF
4. *Dads for Life*
5. *PSG Online Guide* untuk Ibu Bapa

Pihak sekolah pula berusaha untuk mencipta budaya sekolah yang mesra ibu bapa. Setiap pegawai, pendidik dan pemimpin sekolah menghargai dan menghormati peranan dan pelibatan ibu bapa. Budaya sekolah yang seperti ini diharap akan dapat menarik lebih ramai lagi ibu bapa agar turut serta dalam Kumpulan Sokongan Ibu Bapa.

Lima prinsip sebagai panduan bekerjasama antara ibu bapa dan pihak sekolah.

1. Percaya-mempercayai antara satu sama lain
2. Pihak sekolah perlu berhubungan dan mendekati diri dengan ibu bapa
3. Memahami dan prihatin antara satu sama lain
4. Mengekalkan hubungan yang baik dan perlu ada pemikiran yang positif
5. Bekerjasama dalam semua hal untuk kepentingan anak-anak

## Panelis



**Encik Farizan  
Md Amin**

Encik Farizan Md Amin memulakan kerjaya pada 2001. Beliau pernah mengajar di Sekolah Rendah Opera Estate (2001-2005).

Beliau telah melanjutkan pelajaran di Universiti Malaya dan meraih Sarjana Muda (Kepujian) dalam Pengajian Melayu. Setelah tamat pengajian, beliau meneruskan kerjaya sebagai seorang guru Bahasa Melayu di Sekolah Menengah Ping Yi dari 2008 hingga 2011. Beliau menyandang jawatan sebagai Ketua Jabatan Bahasa Ibunda dan ICT sebelum berpindah ke Cawangan Bahasa Ibunda, Unit Bahasa Melayu, Kementerian Pendidikan (MOE) sebagai Pegawai Perancangan Kurikulum. Beliau merupakan penerima

Biasiswa PGS MOE dan telah berjaya menamatkan kajian di NIE-NTU dan meraih ijazah Sarjana. Setelah tamat pengajian Sarjana, beliau berkhidmat di MOE sehingga 2015 sebelum ditempatkan di Sekolah Rendah Townsville sebagai Pembangun Staf Sekolah (SSD). Beliau aktif bergiat sebagai Ahli Jawatankuasa Bulan Bahasa sejak 2015 dan menganggotai Majlis Bahasa Melayu Singapura sejak 2017. Beliau merupakan penerima Anugerah Guru Arif Budiman 2011.



## Sinopsis

Tugas mendidik anak harus dipikul bersama-sama. Ibu dan ayah berganding bahu menggalas tugas tersebut dalam masyarakat. Dalam melaksanakan tugas sebagai ibu bapa, penjagaan anak lelaki dan anak perempuan memerlukan kemahiran yang berbeza. Penekanan terhadap pembentukan sosio-emosi perlu diberikan kepada kedua-duanya.

Peribahasa melentur buluh biarlah dari rebunginya, iaitu mendidik anak biarlah sejak kecil lagi, dan bagai menatang minyak yang penuh, iaitu anak yang dikasihi dan dipelihara dengan sempurna; merupakan gambaran masyarakat Melayu yang terdahulu tentang betapa kasih dan sayangnya ibu bapa terhadap anak-anak mereka. Kita perlukan keseimbangan antara memupuk nilai, menghormati adat dan membentuk budi pekerti selain mendidik anak menjadi seorang ilmuwan.

Dalam kesibukan usaha mencari nafkah untuk keluarga, usahlah abaikan masa dengan anak-anak. Setiap saat yang diluangkan bersama anak-anak sama ada di dalam rumah ataupun di luar rumah menjadi pemangkin kepada pembentukan nilai anak-anak.

Anak-anak haruslah diberikan peluang untuk menimba pengalaman bersama rakan-rakan atau saudara-mara yang seusia. Dengan mewujudkan persekitaran yang merangsang minda mereka seperti membaca buku di perpustakaan, bermain di taman permainan, kesempatan berkelah di tepi pantai, melawat pusat-pusat pendidikan yang berunsurkan didik hiburan seperti Pusat Sains Singapura, Zoo dan sebagainya dapat menjadikan pengalaman bersama keluarga, suatu kenangan yang paling dihargai oleh mereka, terutama sekali apabila aktiviti-aktiviti tersebut dilakukan secara bersama-sama. Bersabarlah dalam usaha untuk mencorakkan kain putih yang diamanahkan kepada kita.

**Penerima Anugerah  
Guru Arif Budiman 2017**  
Kategori Teladan



**Mohamed Pitchay Gani Mohamed  
Abdul Aziz**  
Institut Millenia

**Djohan Abdul Rahman**  
Sekolah Menengah Bishan Park



**Fauziah Mohamed Ata**  
Sekolah Rendah Endeavour



**Penerima Anugerah  
Guru Arif Budiman 2017**  
Kategori Perangsang



**Mohd Jamalludin Mohd Affandi**  
Sekolah Tinggi Chung Cheng (Utama)

**Nurhiza Mohamed**  
Sekolah Rendah Cantonment



## Kategori Teladan



**Mohamed Pitchay Gani**

**Mohamed Abdul Aziz**

Institut Millennia

### Perjalanan kerjaya

Saya mula mengajar pada tahun 1992 setelah mendapat Diploma dalam Pendidikan di Institut Pendidikan Nasional (NIE). Saya pernah melakukan praktikum di Sekolah Rendah GongShang. Sebelum memasuki NIE, saya pernah menjadi guru sementara di Sekolah Rendah Beatty.

Sekolah pertama saya sebagai guru bertauliah ialah Sekolah Rendah Li Hua. Saya mengajar Bahasa Melayu, Latihan Jasmani, Seni lukis dan Kraf, serta Pendidikan sivik dan moral. Saya merupakan Ketua Jabatan PE & Esthetics. Pada tahun 1996, saya melanjutkan pelajaran di Universiti Malaya (UM) dalam bidang pengajian Melayu. Setelah lulus, saya ditempatkan di Sekolah Menengah First Toa Payoh pada tahun 1999. Di situ saya mengajar Bahasa Melayu.

Bermula tahun 2000, saya dipinjamkan kepada NIE sebagai Pensyarah Program Latihan Khas Guru Bahasa Ibunda (STP). Di sini saya mengajar Bahasa Melayu, Sastera, Budaya, dan juga ilmu perguruan kepada para guru pelatih. Saya juga merupakan Penyelaras Unit Bahasa Melayu, dan Timbalan Ketua STP yang menempatkan program bagi Bahasa Cina, Melayu, dan Tamil. Di NIE saya meraih Ijazah Sarjana Sastera pada tahun 2004 bagi kajian terhadap budaya dan evolusi bahasa Melayu di Singapura. Pada tahun 2011 saya meneruskan pengajian peringkat PhD. di UM. Kajian saya merupakan kajian mengenai keberdayaan bahasa dan bangsa Melayu di Singapura. Kajian ini juga melibatkan kajian terhadap masyarakat minoriti di Toronto, Canada.

Setelah meraih Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Linguistik, saya ditempatkan di Institut Millennia (MI) sebagai Ketua Subjek Bahasa Melayu, dan kini merangkap Ketua Jabatan Bahasa Ibunda. Di MI saya mengajar Bahasa Melayu dan Sastera kepada para pelajar prauniversiti serta mentadbir Jabatan Bahasa Ibunda termasuk bahasa-bahasa asing. Saya juga terlibat dalam beberapa projek khas dalam membantu meningkatkan prestasi dan motivasi pelajar secara holistik serta prasarana pendidikan dan pengenalan pendekatan-pendekatan baharu dalam pengajaran dan pembelajaran di MI.

## Cabaran-cabaran yang dihadapi sepanjang kerjaya

Para pelajar prauniversiti hanya perlu mendapatkan gred 'S' yakni sub-pass bagi bahasa Ibunda untuk memasuki universiti. Ini secara tidak langsung mengurangkan minat pelajar untuk belajar bersungguh-sungguh untuk mendapat gred yang baik seperti A atau B, atau sekurang-kurangnya C hingga E. Keadaan ini menjadi meruncing dengan adanya keperluan untuk memberi tumpuan kepada subjek-subjek utama yang lebih mencabar. Lebih-lebih lagi sekiranya pelajar tersebut sangat lemah dalam subjek sedemikian. Ini meletakkan guru dalam dilema sama ada hendak menekankan kepentingan bahasa Ibunda sedangkan beliau sedar bahawa pelajarinya sangat lemah dalam subjek-subjek utama lain. Dalam masa yang sama guru juga sedar bahawa pelajar hanya perlukan gred 'S' untuk memasuki universiti tempatan. Di sini letaknya cabaran paling utama kerana para pelajar ini merupakan antara yang terbaik yang bakal memasuki universiti. Mereka juga berpotensi memegang tampuk kepimpinan bangsa dan negara pada masa hadapan. Maka penting bagi mereka disulami dengan pemahaman kepentingan ilmu bahasa Ibunda setara dengan lain-lain ilmu demi menjadi seorang insan yang berilmu dan beriltizam.

## Detik paling manis dalam kerjaya sebagai guru

Detik yang paling manis apabila saya terserempak dengan pelajar saya yang mengatakan bahawa saya gurunya. Lalu mula menceritakan pengalamannya bersama saya walaupun sudah lebih 10 tahun sejak saya mengajarnya. Lazimnya perawakan saya yang tegas sering disalahertikan pelajar pada peringkat awal tetapi mereka akhirnya akui bahawa saya seorang yang mesra dengan pelajar dan mereka mendapati kelas-kelas kelolaan saya menyeronokkan sekaligus menambat minat mereka. Apa yang manis bukanlah lontaran pujian yang diberikan tetapi lebih kepada hakikatnya bahawa pelajar itu masih ingat lagi perkara yang berlaku di dalam kelas dan cara saya mengajarnya. Ada yang menangis, ada yang pengsan, ada yang mengejar saya. Macam-macam lagi. Ini membuat saya seronok menjadi guru walaupun banyak cabaran dan dugaannya. Saat-saat beginilah yang menyedarkan saya bahawa pelajar ialah insan yang sangat memerlukan perhatian guru untuk menghidupkan semangat mereka untuk berjaya.

## Harapan sebagai seorang guru

Saya berharap pelajar dapat merasakan roh bahasa Melayu itu sendiri yakni bahasa ini merupakan satu unsur yang membentuk nilai insani dalam jiwanya. Ini penting kerana lazimnya pelajar hanya melihat bahasa Melayu sebagai sebuah subjek yang wajib dan akan belajar sekadar untuk lulus peperiksaan semata. Begitu juga pandangan yang sama timbul dalam kalangan ramai ibu bapa, secara umumnya.

Tanggapan seumpama ini tidak salah malah pragmatik dan sesuai dengan keperluan penakatan. Namun demikian, setelah bergelumbang dengan alam bahasa Melayu sejak kecil lagi sehingga kini, dan setelah melakukan banyak pengamatan dan kajian lapangan, saya mendapati bahawa ramai juga ibu bapa yang akhirnya akur kepentingan bahasa dalam membentuk nilai dan budaya warisan bangsa. Akhirnya, pada usia lanjut barulah mereka ingin anak-anak mereka mendalami bahasa dan budaya Melayu. Bayangkan jika ini dapat dilakukan di peringkat lebih awal lagi. Tentunya ia akan memberikan kepuasan dan nikmat sebagai orang Melayu yang berjaya menguasai dan menjiwai bahasa dan budayanya.

Itu merupakan antara sebab utama pemerintah menjadikan bahasa Ibunda sebagai subjek wajib pada zaman awal perpisahan supaya setiap etnik dapat meneruskan warisannya kerana warisan itu dapat memberikan pesona sesuatu bangsa yang akhirnya menyumbang kepada kepelbagaian bangsa di Singapura. Warisan itu penting kerana ia bukan hanya memberikan identiti tetapi juga harga diri dan ketenangan jiwa kerana bahasa itu adalah cerminan minda penuturnya.





Anugerah Guru Arif Budiman 2017



## Kategori Teladan

**Djohan Abdul Rahman**  
Sekolah Menengah Bishan Park



### Perjalanan kerjaya

Pengalaman serta peluang untuk berinteraksi dengan audiens yang pelbagai, baik daripada para pelajar dan para guru dari sekolah-sekolah rendah, sekolah-sekolah menengah dan juga maktab-maktab rendah, mahupun dengan badan-badan luar yang tertumpu kepada bahasa dan budaya Melayu, telah benar-benar membantu saya untuk mendalami serta memperkukuh kemampuan saya untuk menjadi seorang guru yang lebih berkesan dan proaktif. Profil mereka yang berbeza-beza telah memberi saya peluang untuk melakukan refleksi agar matlamat utama sesi berinteraksi itu dapat dicapai. Pada hemat saya, dengan memahami profil serta kehendak audiens yang berbeza dan sentiasa berubah, kita selaku guru akan dapat memastikan bahawa objektif komunikasi itu akan terlaksana dengan sebaiknya.

Berteraskan pengalaman yang diraih ini, saya seringkali cuba untuk menerapkan pendekatan pembelajaran alternatif di dalam kelas saya agar tumpuan serta motivasi pelajar dapat dikekalkan. Sekiranya pendekatan ini berhasil, langkah saya yang seterusnya ialah saya akan cuba untuk berkongsi idea itu dengan guru-guru lain agar keberkesanan pembelajaran yang saya alami dapat diterapkan pada kesempatan lain.

Sebagai contoh, bengkel yang saya jalankan sewaktu Excel Fest 2017 mengenai penggunaan Adobe Spark dalam pembelajaran, telah saya kongsi dengan Ketua Jabatan Bahasa Melayu dari Sekolah Menengah Ahmad Ibrahim. Ekoran daripada perkongsian itu, saya telah mendapat maklum balas bahawa pendekatan itu telah diguna pakai dan kesannya amat memberangsangkan. Pengalaman yang sebegini merupakan satu antara pengalaman yang amat menyentuh perasaan saya ketika melakukan tugas-tugas harian selaku seorang guru.

## Cabaran-cabaran yang dihadapi sepanjang kerjaya

Pastinya setiap guru akan berhadapan dengan cabaran yang pelbagai. Cabaran yang amat sukar yang saya hadapi adalah dengan mengubah tanggapan pelajar mengenai kepentingan mengekalkan kerelevanan bahasa Melayu dalam konteks kehidupan harian. Para pelajar merasakan bahawa bahasa Melayu itu tidak mempunyai nilai ekonomi memandangkan mereka berpendapat bahawa bahasa Inggeris merupakan bahasa yang wajib digunakan dalam kehidupan harian. Apatah lagi mata pelajaran serta sesi perbualan dengan para teman akan menggunakan bahasa Inggeris.

Untuk mengatasi cabaran ini, saya akan memastikan para pelajar saya (dan pelajar-pelajar lain yang pernah berhubung dengan saya) menyedari akan kerelevanan bahasa Melayu itu di luar ruang lingkup bilik darjah. Saya sering menerajui pelbagai aktiviti kebahasaan agar golongan pelajar ini terdedah dan sedar bahawa pembelajaran bahasa Melayu dapat diguna pakai pada suasana di luar sekolah. Aktiviti-aktiviti seperti persembahan drama, dikir barat, penghasilan video dan kritikan sastera membolehkan para pelajar untuk memahami dengan lebih mendalam bagaimana bahasa Melayu itu mempunyai peranan yang penting dalam kehidupan mereka.

Menyedari akan hakikat ini, saya juga telah menganjurkan pertandingan Sahibba pada peringkat kebangsaan. Bermula pada tahun 2011 di Kelab Masyarakat Potong Pasir, aktiviti tahunan ini telah berjaya menambatkan minat 28 sekolah rendah, 50 sekolah menengah dan 6 maktab rendah pada tahun 2017. Pelibatan mereka juga memberangsangkan dengan penyertaan 34 orang guru yang bertanding dalam Kategori Guru.

## Detik paling manis dalam kerjaya sebagai guru

Sekiranya diberi peluang untuk mengungkap beberapa detik manis, salah satu daripadanya pasti akan berkisar dengan kisah salah seorang pelajar saya yang berjaya mencapai cita-citanya. Pelajar ini tidak mendapat sokongan yang sebaiknya di rumah. Malah, semasa dia berada di Menengah Satu, dia pernah didapati berkeliaran tanpa sebab pada jam tiga pagi. Semenjak hari itu, saya cuba untuk membimbingnya agar tidak membuat pilihan yang salah dalam hidup. Dia ingin menjadi seorang jururawat. Perjalanannya untuk mengejar kecemerlangan dalam dunia akademik dipenuhi pelbagai cabaran. Pernah satu ketika, dia mahu berhenti sekolah dan bekerja. Namun saya tidak berputus asa. Saya cuba untuk mendapatkan brosur serta borang-borang yang diperlukan agar dia terus bersekolah. Kini, dengan bangganya, saya ingin memaklumkan bahawa dia telah berjaya menjadi seorang jururawat yang bertauliah.

Saat-saat sebegini; pengetahuan yang saya selaku seorang yang pernah membantu mencapai cita-citanya merupakan antara detik manis yang sukar untuk digambarkan.

## Harapan sebagai seorang guru

Sejujurnya, saya amati perubahan dan kesedaran yang ketara dalam isu kebahasaan dan kebudayaan Melayu. Badan-badan setempat, dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan sekolah-sekolah kelihatan lebih agresif melakukan usaha-usaha agar penggunaan bahasa ibunda itu kekal relevan.

Oleh yang sedemikian, secara peribadi, saya berharap agar usaha sebegini dapat terus dilaksanakan pada masa-masa mendatang. Sewaktu saya di bangku sekolah, kegagalan dalam subjek Bahasa Melayu tidak pernah didengari. Mungkin dengan adanya Festival Drama (kelolaan Sekolah Menengah Perempuan Tanjong Katong), pertandingan Gema Dikir (kelolaan Maktab Rendah Nanyang) telah menampakkan kerelevanan penggunaan bahasa Melayu itu. Namun, dewasa ini, ramai pelajar yang mengambil tuisyen agar lulus dalam subjek itu.

Aktiviti-aktiviti di luar sekolah yang sebegini pasti akan menyemarakkan lagi proses pembelajaran bahasa Melayu yang mungkin akan menjadi lebih dinamik dan menyeronokkan. Para pelajar pasti akan berasa lebih teruja dan pada masa yang sama, akan sedar peri pentingnya melestarikan bahasa ibunda mereka – Bahasa Melayu.



# Kategori Teladan

**Fauziah Mohamed Ata**  
Sekolah Rendah Endeavour



## Perjalanan kerjaya

Saya telah ditauliahkan sebagai seorang guru untuk mengajar Bahasa Melayu pada tahun 1995. Mula mengajar di Sekolah Rendah Fuchun, saya telah diamanahkan untuk memegang beberapa jawatan selama saya berada di sekolah itu. Antara jawatan yang diamanahkan termasuklah sebagai Ketua Subjek (Dalam) Pendidikan Sivik dan Moral dan juga Penyelaras Jabatan Bahasa Melayu.

Dengan semangat ingin memupuk budaya berkongsi dan perpaduan, saya telah menjadi ahli jawatankuasa kerja Kelompok Utara bagi Pengumpulan Bahan Kefahaman Mendengar Darjah 4 pada tahun 1997. Buku ini telah diedarkan kepada semua sekolah-sekolah di Singapura untuk dijadikan bahan mengajar. Semasa menggalas jawatan penyelaras jabatan, saya telah bekerjasama dan menggembelng tenaga bersama guru-guru Bahasa Tamil bagi menjayakan perkhemahan bahasa bermula pada tahun 2004 hingga 2007 bagi murid-murid darjah 4 yang mengambil Bahasa Melayu dan Tamil. Selain dapat mendalami bahasa dan budaya sendiri, mereka berpeluang untuk mempelajari bahasa dan budaya lain. Pada tahun 2006, murid-murid daripada kelompok yang sama telah diundang ke perkhemahan bahasa ini. Bagi sumbangan di peringkat nasional, saya dengan sukarela menjadi ahli jawatankuasa kerja bagi Lelaman Nadi yang dikelolakan oleh Bahagian Teknologi Pendidikan, MOE.

Pada tahun 2008, saya telah berpindah ke Sekolah Rendah Endeavour, sebuah sekolah baharu. Di sini, saya telah mempelajari dan memikul tugas yang lebih mencabar. Pada tahun 2010, saya telah menjadi Guru Kanan Bahasa Melayu. Sebagai guru kanan pertama di sekolah ini, saya telah membina pelan dan wawasan bagi program pementoran sekolah. Ketika dilantik sebagai Mentor Penyelaras Sekolah (SCM), ramai guru pelatih diletakkan di bawah jagaan saya. Saya amat terharu dan bersyukur apabila mereka memaklumkan bahawa mereka telah mendapat banyak manfaat tentang pembelajaran dan pengajaran semasa menjalani latihan mengajar di sekolah saya. Seperti kata-kata ini, jika kita fokuskan usaha untuk guru-guru, pelajarlah yang dapat meraih manfaatnya.



Pada tahun 2012, saya telah dipilih oleh Pusat Bahasa Melayu Singapura (MLCS) untuk menyertai rombongan guru-guru kanan Singapura ke Universitas Pendidikan Indonesia di Bandung selama 2 minggu. Banyak pengalaman dan pembelajaran mengenai pendidikan dan budaya yang dapat saya peroleh. Jaringan mesra antara guru-guru kanan dan tenaga pengajar Universitas Pendidikan Indonesia, Bandung telah dapat dipupuk. Sekembalinya kami di Singapura, kami telah bekerjasama bagi membina e-buku mengenai cerita-cerita rakyat nusantara.

Daripada tahun 2014 hingga ke tahun ini, saya telah menyumbang tenaga dan kepakaran sebagai ahli jawatankuasa kerja bagi Sukatan Pelajaran Sekolah Rendah 2015. Bahan pengajaran Cepak darjah 1 hingga 3 telahpun digunakan di sekolah-sekolah pada masa ini.

Sepanjang pengalaman saya mengajar, saya juga telah dapat menjalankan beberapa, kajian yang khusus kepada pembelajaran dan pengajaran Bahasa Melayu. Contohnya, pada tahun 2007, hasil kajian saya telah dibukukan di dalam CLEAR III bagi Zon Utara. Saya juga telah menerajui guru-guru di dalam jabatan Bahasa Melayu di Endeavour bagi perkongsian hasil kajian semasa Seminar Bahasa Melayu yang dianjurkan oleh MLCS pada tahun 2010, 2012 dan 2015. Dapatan daripada hasil kajian ini juga telah memenangi Anugerah Kepujian Innergy pada tahun 2011 yang diberikan oleh Kementerian Pendidikan.

## **Cabaran-cabaran yang dihadapi sepanjang kerjaya**

Hidup ini ada pasang dan surutnya. Saya juga tidak terlepas daripada dilanda badai kehidupan apabila saya diuji dengan kehilangan seorang anak yang semasa itu berusia 2 tahun pada tanggal 17 Disember 2002. Selama lebih kurang setahun saya perlu berulang-alik ke hospital bagi rawatan anak saya. Saya kembali bertugas pada bulan Januari dan menguatkan semangat untuk menyebarkan mesej menghargai kehidupan kepada anak-anak didik saya. Pengalaman ini membuka mata saya akan nilai cinta ibu bapa kepada anaknya. Jadi, setiap murid yang diamanahkan kepada saya juga milik ibu bapanya yang sangat sayang akan anaknya dalam apa-apa jua keadaan anak itu. Saya juga selalu mengingatkan anak murid saya akan nilai kehidupan yang dianugerahkan dan kita patut berusaha yang terbaik mungkin dalam apa-apa jua lapangan yang diceburi. Hasrat murni ini juga telah membolehkan saya menjalin hubungan yang baik dengan ibu bapa dan juga anak-anak didik saya.

Selain itu, saya telah menyahut cabaran pembelajaran sepanjang hayat dengan mengambil kursus ijazah sarjana muda secara sambilan di UniSim pada tahun 2006 hingga 2009. Pada waktu itu saya perlu membahagikan masa mengajar dan belajar serta menguruskan keluarga yang pada waktu itu, anak bongsu saya masih berumur 3 tahun. Usaha dan kerja keras ini tidak sia-sia kerana banyak yang dapat saya pelajari. Bukan dari segi akademiknya sahaja tetapi tentang pengurusan masa dan disiplin.

## **Detik paling manis dalam kerjaya sebagai guru**

Bagi saya, detik paling manis itu apabila saya dapat membantu murid-murid saya mencapai matlamat yang telah ditetapkan oleh mereka dalam pembelajaran bahasa Melayu dan meraih keputusan yang baik. Pengalaman ini lebih manis apabila ada murid-murid saya bercita-cita menjadi guru. Mereka dapat menjadi penerus usaha saya mendidik murid-murid. Saya berasa segala usaha dan pengorbanan saya berbaloi.

Tahun lepas, saya berasa sangat terharu dan gembira apabila saya telah dianugerahkan Pingat Kepujian Hari Kebangsaan. Walaupun saya tidak pernah bermimpi untuk mendapatkan anugerah ini, penganugerahan ini merupakan penghargaan negara bagi usaha dan pengorbanan saya kepada pendidikan di Singapura. Anugerah ini memangkinakan semangat saya untuk memberikan yang terbaik kepada pengajaran dan pembelajaran bahasa dan budaya Melayu.

## **Harapan sebagai seorang guru**

Saya sangat berharap agar bahasa dan budaya Melayu dapat terus hidup dan mekar di Singapura. Oleh itu, guru haruslah berganding bahu bersama ibu bapa untuk menyemai cinta dan minat kepada bahasa dan budaya Melayu. Di sekolah, guru berperanan mempertingkatkan kemahiran pelajar-pelajar berbicara dan berinteraksi dalam bahasa Melayu.

Saya berharap saya dapat memainkan peranan yang penting di dalam penakatan memupuk nilai cinta dan minat terhadap bahasa Melayu secara langsung kepada pelajar-pelajar dan juga kepada guru-guru permulaan serta masyarakat amnya. Berbekalkan kepercayaan yang semua murid boleh belajar dan iltizam yang kuat dan konsisten, saya akan terus dapat menyumbang kepada impian ini dan harapan ini.





## Kategori Perangsang

**Mohd Jamalludin Mohd Affandi**  
Sekolah Tinggi Chung Cheng (Utama)



### Perjalanan kerjaya

Pertama kali saya melangkah kaki ke sekolah sebagai guru pada bulan September 2006. Sekolah pertama tempat saya ditugaskan ialah Sekolah Rendah Gongshang. Saya berada di sana selama 9 bulan di bawah bimbingan Cikgu Zarina dan juga Cikgu Ramelan. Setelah tamat pengajian diploma pada tahun 2009, saya telah dihantar ke Sekolah Rendah Qiaonan. Walaupun berkhidmat hanya beberapa bulan sahaja di sana, banyak pengalaman dan pengajaran yang saya raih di bawah bimbingan Cikgu Salimah. Setelah tamat pengajian peringkat sarjana muda pada tahun 2011, saya telah dihantar ke Sekolah Menengah East Spring. Saya berkhidmat selama tiga setengah tahun di sana sebelum mengambil keputusan untuk mencuba sesuatu yang baharu. Saya memohon untuk ke Sekolah Tinggi Chung Cheng (Utama) pada akhir tahun 2014 dan diterima masuk dan telah berbakti hingga kini.

### Cabaran-cabaran yang dihadapi sepanjang kerjaya

Manusia secara fitrahnya memang tidak boleh lari daripada cabaran. Setiap cabaran itu harus dihadapi dengan tenang dan diselesaikan dengan sebaik-baiknya.

Tiada bezanya bagi saya dalam kerjaya yang sudah mencapai sepuluh tahun ini. Setiap perhentian di dalam kerjaya saya ini telah membawa bersamanya cabaran-cabaran yang amat berbeza.

Saya masih teringat kali pertama melangkah masuk ke dalam bilik darjah di Sekolah Rendah Gongshang. Di dalam minda, saya telah mempersiapkan diri. Saudara-mara yang berkhidmat sebagai guru telah mengingatkan saya agar bersikap tegas dan menunjukkan wajah yang bengis apabila melangkah masuk ke dalam kelas. Saya masih ingat lagi yang saya ditugaskan untuk mengajar kelas darjah dua pada hari pertama itu.

Apabila saya melangkah masuk, saya cuba untuk tidak melihat wajah murid-murid dan cuba untuk menunjukkan sikap serius. Tapi malangnya, sikap serius itu terpaksa ditolak tepi lima minit kemudian kerana ada seorang murid tidak dapat menahan dirinya untuk ke tandas.

Saya ke kelas sebelah untuk meminta bantuan. Guru yang berada di kelas sebelah itu mengatakan kepada saya bahawa tanggungjawab saya untuk mendapatkan pakaian baharu untuk pelajar itu dan untuk membantunya membersihkan diri. Saya cuba memintanya untuk melakukannya tetapi dia mengatakan bahawa dia tidak boleh melakukannya kerana murid tersebut murid lelaki. Apabila saya pulang, saya memberitahu ibu bahawa saya tidak mahu mengajar lagi!

Pelajar sekolah menengah membawa cabaran-cabaran yang amat berbeza jika dibandingkan dengan murid-murid sekolah rendah. Sewaktu saya melakukan praktikum di Sekolah Menengah East Spring, saya diberikan kejutan apabila diberitahu bahawa saya akan diberikan kelas menengah 4 aliran Normal Teknikal. Di dalam kumpulan kami berempat yang melakukan praktikum di sekolah itu, hanya saya sahaja yang diberikan kelas Normal Teknikal. Rasa debaran dan kebimbangan semakin memuncak apabila guru disiplin memberitahu saya bahawa kelas tersebut amat terkenal kerana terdapat ramai pelajar yang tidak mudah untuk diuruskan.

Lantas, tidak salah untuk saya mengatakan bahawa saya kurang pasti cara untuk berdepan dengan cabaran tersebut. Setelah berfikir panjang, saya mengambil keputusan untuk memulakan kelas dengan mengadakan permainan dalam bentuk kuiz bahasa. Saya masih boleh terbayang lagi wajah pelajar-pelajar ini apabila mereka melangkah masuk ke dalam bilik darjah itu. Saya bagaikan tiang lampu yang tidak bercahaya, tidak diendahkan oleh sesiapa.

Setelah lima minit, mereka akhirnya duduk dan kami dapat memulakan kelas. Saya memperkenalkan diri dan memberitahu mereka tentang pertandingan yang akan dijalankan. Kami memulakan kuiz dengan membahagikan kelas kepada empat kumpulan dan alhamdulillah buat pertama kalinya, kelas riuh rendah dengan ketawa dan jawapan.

Peristiwa tersebut telah sedikit sebanyak mengeratkan hubungan saya dan pelajar-pelajar. Alhamdulillah melalui hubungan yang terjalin ini, sebilangan besar daripada mereka berjaya melangkah kaki ke Institut Pendidikan Teknikal(ITE).

## Detik paling manis dalam kerjaya sebagai guru

Tugas seorang guru bukan sahaja untuk membentuk kepintaran anak muridnya untuk mencapai kejayaan dalam bidang akademik tetapi juga untuk membentuk jati diri anak didiknya itu untuk menjadi seorang manusia yang dapat berkhidmat dan berbakti kepada masyarakatnya.

Selama kerjaya ini, sudah tentu banyak kenangan manis yang dirasakan dan amat sukar bagi saya untuk memilih satu untuk diketengahkan.

Tahun lepas adalah kali pertama saya mengambil pelajar-pelajar kelas M(SP) yang bakal menduduki peperiksaan peringkat GCE 'O'. Pelajar-pelajar tersebut rata-ratanya amat lemah dan hampir kesemua mempunyai masalah untuk bercakap atau menulis dalam bahasa Melayu. Namun, alhamdulillah setelah sepuluh bulan bersusah payah, mendidik dan mengulang kaji bersama mereka, tiga orang pelajar berjaya mendapat keputusan yang cemerlang.

Awal tahun ini saya mendapat pesanan ringkas pada jam 12.30 tengah malam dari salah seorang daripada pelajar tersebut. Dia menceritakan pengalamannya melakukan kerja sukarela sambil menanti bermulanya persekolahan di maktab rendah. Di akhir pesannya, dia mengucapkan terima kasih. Dia mengatakan bahawa bimbingan saya telah membantu dia memahami dan berbual bahasa Melayu dan membantu orang-orang yang memerlukan bantuan. Dia amat terkesan dengan curahan kasih sayang terutama oleh orang-orang yang dibantunya dan ini berlaku kerana dia berupaya bertutur dalam bahasa Melayu. Alhamdulillah, amat bangga saya melihat pelajar mempraktikkan sesuatu yang dipelajari di dalam bilik darjah untuk manfaat masyarakat.

## Harapan sebagai seorang guru

Seorang guru pasti senantiasa berharap ilmu yang dikongsinya itu akan membawa kepada kebaikan. Tentunya kemahuaannya adalah untuk anak didiknya itu berjaya dalam kehidupan. Berjaya ini jangan disalah ertikan dengan hanya bentuk kebendaan atau pangkat semata-mata tetapi yang terpenting ialah mereka menjadi seseorang yang bermanfaat kepada keluarga, masyarakat, bangsa dan negara. Sesungguhnya, itulah yang membentuk masa hadapan.





## Kategori Perangsang

**Nurhiza Mohamed**  
Sekolah Rendah Cantonment



### Perjalanan kerjaya

Saya memulakan pengajian saya di Institut Pendidikan Nasional pada tahun 2005 dan menjalani program STP (Special Training Programme) selama empat tahun. Program ini dikhususkan untuk guru lulusan peringkat 'O'. Saya mengikuti program ini kerana keputusan peringkat 'A' saya kurang memuaskan. Namun, saya tidak pernah menganggap kekurangan ini sebagai satu hambatan, malahan membuat saya lebih bersemangat untuk berusaha dengan lebih gigih untuk meningkatkan diri dan meraih kejayaan di dalam pelajaran.

Selepas mendapat Diploma Pendidikan, saya memulakan kerjaya saya sebagai seorang pendidik pada tahun 2009 di Sekolah Rendah Perempuan Haig. Selepas dua tahun, saya melanjutkan pelajaran di peringkat ijazah di Universiti Malaya pada tahun 2011. Berkat usaha gigih dan kerja keras, saya lulus dengan ijazah kepujian kelas pertama dalam kursus ijazah sarjana muda pengajian Melayu (Bahasa Melayu) dan tersenarai di dalam senarai Dekan pada setiap tahun. Setelah tamat pengajian, saya meneruskan perkhidmatan saya sebagai seorang guru Bahasa Melayu di Sekolah Rendah Cantonment.

Kini, saya telah mengajar selama empat tahun di Sekolah Rendah Cantonment. Saya juga telah berkongsi ilmu pengetahuan saya dengan membentangkan kertas-kertas kerja dan hasil kajian saya di peringkat sekolah dan juga nasional. Saya juga melibatkan diri secara aktif bersama MLCS untuk menghasilkan kertas kajian dan Pakej Kefahaman bagi pelajar yang lemah. Saya bakal turut serta dalam program penyerapan sastera di Pekan Baru November ini.

## Cabaran-cabaran yang dihadapi sepanjang kerjaya

Tanggungjawab seorang guru bukan sekadar mengajar pelajar-pelajar dan memberi tumpuan terhadap penguasaan bahasa untuk mata pelajaran Bahasa Melayu dalam bilik darjah, tetapi juga mendidik anak pelajar untuk menghormati dan menjiwai ilmu dalam menjalani kehidupan seharian. Seorang guru harus memberi penekanan terhadap pembentukan jati diri pelajar-pelajarnya.

Kini, semakin ramai pelajar bukan Melayu di dalam kelas Bahasa Melayu. Cabarannya bukan sahaja untuk menarik minat pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di dalam bilik darjah, malah membentuk jati diri dan aspek kesantunan yang berkait rapat dengan bahasa Melayu. Secara keseluruhannya, seorang guru pada masa kini juga menghadapi cabaran dalam mengimbangi keperluan perkembangan minda pelajar dan melahirkan insan yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia dan luhur nilainya, serta memberi sumbangan terhadap masyarakat.

## Detik paling manis dalam kerjaya sebagai guru

Detik paling manis dalam kerjaya saya sebagai seorang guru adalah apabila melihat anak didik mencapai kejayaan dalam pelajaran, kerjaya serta dalam kehidupan.

Tahun lepas, selepas keputusan peperiksaan PSLE diumumkan, merupakan suatu kepuasan untuk melihat semua pelajar saya berjaya. Tahun lepas, saya mempunyai 12 orang pelajar. Lima orang pelajar merupakan pelajar aliran Asas yang mengambil Bahasa Melayu. Mereka berasa risau kerana mereka agak lemah dan hanya mampu mendapat C dalam subjek Bahasa Melayu. Apabila menerima keputusan PSLE, seramai lapan orang pelajar mendapat A, tiga orang pelajar mendapat B dan hanya seorang yang mendapat C. Itulah antara detik manis kerana itulah kali pertama saya mengajar pelajar darjah enam. Berhubungan dengan itu, ungkapan terima kasih daripada ibu bapa dan pelajar-pelajar amat bermakna bagi saya yang menjadi pemangkin untuk saya teruskan usaha murni ini dengan penuh dedikasi dan semangat.

## Harapan sebagai seorang guru

Selain membentuk pelajar yang berkebolehan dalam berbahasa, saya berharap pelajar-pelajar dapat mengamalkan budaya membaca. Membaca bukan sahaja dapat meningkatkan penguasaan kosa kata, malah ia merupakan tunggak utama yang membina dan membentuk kebolehan pelajar dalam mencapai kemahiran-kemahiran lain. Secara lahiriah, kanak-kanak menggarap sesuatu informasi dan menentukan makna yang baharu melalui interaksi sosialnya dengan individu serta simbol-simbol tertentu di dalam kehidupan mereka sehari-hari. Seringkali mereka akan memerhatikan dan meniru pelakuan orang lain setelah melihat kesan tingkah laku tersebut terhadap situasi yang dihadapi oleh mereka. Melalui aktiviti pengamatan dan peniruan inilah, nilai-nilai kehidupan dipupuk di dalam diri kanak-kanak.

Saya berharap budaya berfikir dapat dipupuk dalam kalangan pelajar kerana kemahiran berfikir ini amat penting dan dapat membantu mereka mengharungi cabaran sepanjang proses pembelajaran di alaf baharu. Kemahiran untuk berfikir secara kritis dan kebolehan untuk mengaplikasikan pengetahuan sedia ada dalam konteks yang berbeza merupakan kemahiran yang penting. Saya sering menggunakan rutin-rutin berfikir semasa pengajaran bahasa Melayu untuk menggalakkan pelajar berfikir dan meluahkan buah fikiran dengan yakin.

Saya amat berharap dapat menyumbang untuk menggalakkan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dengan lebih berkesan. Jika diberi peluang, saya ingin menggunakan peluang ini untuk berkongsi dengan guru-guru tentang potensi dan keberkesanan penggunaan rutin-rutin berfikir di dalam bilik darjah untuk meningkatkan kemahiran pelajar berfikir secara kritis. Saya ingin melibatkan diri secara lebih aktif dalam program peningkatan guru dengan mengadakan bengkel-bengkel di peringkat kelompok dan nasional bagi para guru khususnya untuk menyebarkan Penggunaan rutin-rutin berfikir dalam pengajaran Bahasa Melayu. Selain itu, saya juga ingin berkongsi pengalaman dan ilmu yang diperoleh selepas mengikuti program penyerapan sastera ke Pekanbaru pada tahun hadapan.





## Finalis Anugerah Guru Arif Budiman 2017



**Ruhaya Mohd Esa**

Kategori Guru Teladan  
Sekolah Rendah South View

**Muhammad Andi  
Mohammed Zulkepli**  
Kategori Guru Perangsang  
Sekolah Menengah Zhenghua



**Amirul Asri Hussin**

Kategori Guru Perangsang  
Sekolah Rendah Evergreen

# Kategori Teladan

**Ruhaya Mohd Esa**  
Sekolah Rendah South View



## Perjalanan kerjaya

Saya mula mengajar pada tahun 80-an. Pada masa itu, terdapat murid-murid yang sudah berusia 14 hingga 15 tahun tetapi masih berada di sekolah rendah. Kebanyakan bahan pengajaran disediakan oleh guru-guru Bahasa Melayu sendiri. Bahan-bahan tersebut dibuat daripada kertas dan diwarnakan dengan pena penanda agar nampak menarik. Namun selang dua tahun, kami terpaksa membina bahan-bahan baharu kerana bahan-bahan terdahulu tidak boleh digunakan lagi.

Kini, bahan-bahan pengajaran tidak perlu dilakar atau direka dengan menggunakan kertas. Dengan adanya teknologi maklumat, guru-guru boleh memuat turun dan mencetak bahan-bahan pengajaran. Kini, bahan-bahan pengajaran lebih canggih dan berwarna-warni dan menarik minat para murid. Bahan-bahan pengajaran bukan sahaja berupa yang boleh dicetak, malah video-video cerita, kartun dan juga nyanyian. Bukan itu sahaja, alat-alat permainan juga telah digunakan untuk menarik minat murid-murid serta menggalakkan pelibatan murid dalam pengajaran. Pengajaran juga menjadi interaktif.

Pada tahun 80-an dahulu, guru-guru kurang pendedahan pada pengajaran di luar bilik darjah atau lawatan sambil belajar. Kini, sekolah-sekolah menengah dan rendah berlumba-lumba mengadakan lawatan pembelajaran. Bagi sekolah saya, kami telah pun mengadakan lawatan pembelajaran di luar negara. Guru-guru dan murid-murid sama-sama dapat menimba ilmu dengan perkongsian pengajaran dan pembelajaran.

Bak kata pepatah, 'tuntutlah ilmu hingga ke negeri Cina'. Pada tahun 2014, saya berpeluang membawa rombongan murid-murid ke China. Di sana, saya mula didedahkan kepada alat LEGO. Sekolah rendah yang kami lawati telah menggunakan LEGO sebagai satu aktiviti dalam perpustakaan. Menurut guru-guru di sana, program itu meningkatkan bilangan murid-murid di perpustakaan mereka.

Pada bulan Mei tahun ini, saya telah mengetuai rombongan lawatan pembelajaran ke Brunei Darussalam. Di sana, murid-murid saya didedahkan pada budaya Melayu. Saya amat kagum melihat sebuah sekolah rendah yang didirikan di atas air sungai. Walaupun di atas sungai, kelas-kelas sekolah tersebut berhawa dingin. Terdapat juga sebuah padang yang luas untuk murid-murid mereka. Sekolah itu juga dilengkapi dengan sebuah bilik kalis bunyi. Guru-guru sekolah itu telah menampal dulang telur di dinding untuk menjadikannya kalis bunyi.

Kini, sekolah-sekolah juga mengalu-alukan penyertaan ibu bapa dalam program-program yang dijalankan di sekolah. Kami bekerjasama dengan persatuan ibu bapa untuk menganjur bengkel-bengkel khas untuk ibu bapa. Bengkel-bengkel ini bertujuan untuk mendedahkan ibu bapa pada teknik-teknik pengajaran bahasa, sebutan dan format peperiksaan. Kami berharap dengan pendedahan ini, para ibu bapa dapat membantu anak-anak mereka di rumah.

Satu lagi pengalaman yang saya hargai ialah peluang berkongsi pengalaman saya dengan guru-guru lain. Banyak platform perkongsian guru-guru telah diadakan untuk tujuan ini. Guru-guru saling berkongsi teknik-teknik pengajaran atau perkongsian penyelidikan serta juga perkongsian bahan-bahan pengajaran. Saya berasa besar hati dapat berkongsi teknik penggunaan LEGO dalam pelajaran Bahasa Melayu.

Bagi saya, perspektif mengajar telah berkembang daripada guru-murid kepada guru-waris dan guru-guru. Namun pengalaman-pengalaman ini sangat berharga buat diri saya. Dengan pengalaman-pengalaman ini, saya dapat memperbaiki diri saya dan cara-cara saya menarik minat murid-murid saya.

## **Cabaran-cabaran yang dihadapi sepanjang kerjaya**

Salah satu cabaran sepanjang kerjaya saya adalah untuk memastikan murid-murid saya hadir ke sekolah dan mempertingkatkan pendidikan moral. Pada ketika itu, murid-murid saya terdedah kepada pengaruh kurang sihat. Saya telah ditugaskan untuk mengambil mereka sebagai 'anak angkat'. Murid-murid yang telah dikenal pasti akan dipantau dengan rapat dan memastikan keperluan mereka di sekolah akan dijaga.

Cabaran yang saya hadapi sekarang pula ialah menangani perubahan profil murid-murid. Mereka telah diberi pendedahan bahasa Inggeris di rumah. Mereka hanya mula menggunakan bahasa Melayu apabila mereka masuk ke darjah satu.

Dengan kemajuan teknologi dan pendedahan murid-murid kepada alat-alat dan platform-platform teknologi maklumat, saya telah menggunakan alat-alat tersebut untuk meningkatkan pembelajaran Bahasa Melayu. Platform-platform teknologi maklumat digunakan untuk memantau pemahaman murid-murid dan juga untuk meningkatkan pelibatan murid dalam pembelajaran.

### **Detik paling manis dalam kerjaya sebagai guru**

Detik yang paling manis bagi saya apabila seorang bekas murid saya berkata, "Cikgu, saya kini menjadi seorang guru kerana Cikgu menjadi inspirasi saya."

Saya masih terbayang wajah seorang bekas murid perempuan yang sangat-sangat terharu, memeluk saya semasa menerima keputusan PSLE. Dia mengucapkan terima kasih kepada saya kerana mendorongnya mendekati bahasa Melayu. Penguasaan bahasa Melayunya meningkat dengan minat yang telah disemai.

Sebenarnya setiap detik bersama murid-murid saya merupakan detik-detik manis yang memberi satu kepuasan apabila saya melihat kemajuan murid-murid saya, setapak demi setapak.

### **Harapan sebagai seorang guru**

Saya berharap anak-anak didik saya dapat menggunakan bahasa Melayu dengan yakin dan mengekalkan budaya kita walaupun didedahkan kepada cara hidup Barat dan kepesatan kemajuan teknologi. Saya ingin melihat anak-anak didik saya menjadi rakyat yang dapat menyumbangkan bakti kepada masyarakat dan berjaya dalam kerjaya. Saya ingin melihat masyarakat Melayu yang kaya dengan budi bahasa – Bahasa Melambangkan Bangsa.



Sebagai seorang pendidik, saya ingin memainkan peranan dalam meningkatkan kesedaran dan cinta terhadap bahasa dan budaya Melayu. Sebagai seorang yang berbangsa Melayu, saya akan terus aktif menyokong usaha-usaha memupuk keharmonian kaum.



## Kategori Perangsang

**Muhammad Andi Bin Mohammed Zulkepli**  
Sekolah Menengah Zhenghua



### Perjalanan kerjaya

Pembelajaran berpusatkan pelajar menjadi teras dalam melakarkan pengajaran dan pembelajaran buat anak didik saya. Saya mempelbagaikan pedagogi berpusatkan pelajar dalam pengajaran Bahasa Melayu serta menggunakan strategi dan kaedah yang pelbagai dalam membina keyakinan pelajar dan membangunkan pemikiran kritikal dalam pengujaan idea mereka apabila menggunakan bahasa Melayu. Dengan pelaksanaan 'Reading Circle', 'Circle Time Sessions' dan '4 Goals 9 Talk Moves' umpamanya, saya berusaha untuk menyediakan satu suasana pembelajaran bahasa yang melibatkan penyertaan pelajar secara aktif. Saya melibatkan mereka untuk berfikir secara kritis terhadap sesuatu isu atau topik yang dibincangkan.

Selain mengendalikan program-program dan aktiviti-aktiviti dwimingguan bahasa, saya turut terlibat dalam tugas merancang dan menjalankan program khas Skrip & Drama, khususnya bagi kohort pelajar menengah 2 di sekolah saya untuk membantu mereka membina ketrampilan berbahasa.

Pendedahan kepada bahan sastera dilakukan secara sedar, sungguhpun sekolah saya bukanlah antara sekolah yang menawarkan mata pelajaran sastera sebagai subjek elektif atau penuh. Saya telah bekerjasama dengan guru-guru di sekolah untuk menggunakan teks cerita rakyat terpilih daripada teks sastera 'Tekad' dan menjadikan bahan ini sebagai bahan pembelajaran buat anak didik di sekolah saya. Program ini melibatkan mereka membaca bahan sastera dalam bentuk aslinya, kemudian mempelajari kemahiran menulis skrip, merentas cipta daripada skrip kepada bentuk persembahan yang diusahakan pelajar secara bersama.

Pada tahun lalu, kelas 2 Normal Teknikal saya telah berpeluang mementaskan lakonan mereka bertajuk *Lebai Malang* bersempena Bulan Bahasa di Muzium Nasional Singapura, sebagai suatu penghargaan buat usaha baik mereka melalui sebuah pertandingan lakonan antara kelas yang menjadi kemuncak program khas Skrip & Drama tersebut. Keseronokan dan keghairahan pelajar sebeginilah yang mengingatkan saya akan tujuan utama pendidikan, yakni untuk memberikan pengalaman meraih ilmu yang menarik

dan bermakna buat diri mereka.

## Cabaran-cabaran yang dihadapi sepanjang kerjaya

Saya berpendapat bahawa cabaran utama bagi seorang guru muda seperti saya ialah cara untuk menangani tuntutan-tuntutan yang datang dalam pelbagai bentuk kerana kita sedia maklum bahawa tugas seorang guru itu sememangnya berat. Persoalan yang jauh lebih penting bagi saya ialah pertembungan idealisme atau gagasan-gagasan muluk yang kita cuba bawa dengan hakikat yang melanda dunia persekolahan dan pendidikan hari ini.

Persoalan bagaimana untuk benar-benar menghidupkan falsafah pendidikan yang berorientasikan pelajar, membangunkan jiwa-jiwa yang halus dan berbudi, dan membudayakan nilai Arif Budiman dalam diri sendiri, kalangan teman seperjuangan dan anak-anak didik itu sentiasa mengganggu saya.

Saya juga seringkali bertanya apakah perkara-perkara lain yang dapat saya sumbangkan sebagai seorang guru bahasa Melayu. Saya mula melibatkan diri dengan Variasi Performing Arts, sebuah kumpulan seni bukan keuntungan (NPO). Saya telah dapat berkongsi ilmu pengetahuan berkenaan bahasa, sastera dan kebudayaan dan pada masa yang sama, menimba ilmu pengetahuan dalam dunia kesenian Melayu berkaitan tarian dan teater. Selain itu, saya berpeluang menerbitkan, mengarah dan menganjurkan beberapa acara Variasi Performing Arts, seperti pementasan teater Projek Tiga pada 2015 dan 2017, acara kesenian Di Atas Pentas 2016 yang melibatkan penggemblengan tenaga para pelajar sekolah rendah hinggalah peringkat pengajian tinggi, dan Perkhemahan Kesenian buat anak-anak muda yang minat mempelajari seni tarian dan lakonan dipanggil Roots! Arts Camp 2016 & 2017.

Cabarannya adalah untuk mengimbangi masa bagi kesemua perkara yang disebutkan tadi. Namun, saya kira saya beruntung kerana pelibatan saya dalam perkara-perkara ini berkait rapat dengan kecenderungan dan minat saya.

## Detik paling manis dalam kerjaya sebagai guru



Penubuhan Misbah Minda, sebuah kumpulan pelajar yang bernaung di bawah unit bahasa Melayu, menjadi detik paling manis bagi diri saya. Misbah Minda mengingatkan saya kepada Program Elektif Bahasa Melayu dan Persatuan Bahasa dan Budaya Melayu (MLDDS) sewaktu menuntut di Maktab Rendah Tampines dahulu, serta Kumpulan Angkatan Sastera NIE (Kasturie) semasa mengikuti pengajian di NIE.

Di sanalah, saya diberikan ruang dan peluang untuk bergiat cergas dalam hal-hal kebahasaan, kesusasteraan dan kebudayaan. Matlamat yang sama ingin saya capai – sentiasa membuka ruang dan memberi peluang untuk anak didik saya menggelumangkan diri dengan hal-hal tersebut. Dengan tertubuhnya Misbah Minda, saya telah dapat menggembeleng tenaga pelajar-pelajar dan guru-guru dalam unit saya untuk mengusahakan penerbitan majalah Misbah Minda, yang mana terangkum di dalamnya hasil tulisan para pelajar dalam bentuk laporan kegiatan-kegiatan bahasa dan budaya di sekolah dalam bahasa Melayu. Selain penerbitan majalah, kami turut berjaya menganjurkan sebuah acara kebudayaan ‘Pesta Budaya: Ceritera Kita, Warisan Kita’ yang memberi kami peluang untuk berkumpul, berseni dan bersastera sebagai imbuhan kepada pengalaman pembelajaran pelajar dalam Bahasa Melayu di sekolah. Mereka turut mengendalikan konsert Hari Raya buat guru-guru dan rakan-rakan sekolah sebagai projek tahunan mereka.

Saya dapat merasakan kebahagiaan apabila melihat anak didik bergotong-royong merancang dan mengendalikan acara, memainkan peranan sebagai ahli jawatankuasa dan tenaga kerja dalam membina sebuah budaya pembelajaran bahasa Melayu yang lebih seronok di sekolah. Penerbitan majalah itu berterusan selama beberapa tahun manakala acara Pesta Budaya itu telah menjadi acara tahunan di sekolah kami – kali ini, sebagai sebuah acara peringkat kelompok sekolah-sekolah Barat 6.

## Harapan sebagai seorang guru

Saya berharap agar saya dapat terus berbakti setulusnya sebagai seorang pendidik dan perkara yang saya harapkan buat anak didik saya ialah supaya mereka kenal akan bahasa dan kebudayaannya, saling menggalakkan satu sama lain dan membentuk generasi yang sekurang-kurangnya masih ada rasa rindu dan sayang kepada warisan hasil kebijaksanaan dan kemurnian budi pekerti nenek moyang kita. Tugas menghidupkan bahasa dan kebudayaannya terletak di atas bahu setiap anggota masyarakat yang prihatin akan soal keberlangsungan bahasanya.



## Kategori Teladan

**Amirul Asri Hussin**  
Sekolah Rendah Evergreen



### Perjalanan kerjaya

Sebagai seorang guru baharu, saya ingin membuktikan kepada diri sendiri bahawa saya boleh menjadi seorang guru yang efektif dan reflektif yang dapat membantu anak-anak murid saya sehingga ke menara gading. Maka itu, adalah penting bagi saya untuk memastikan bahawa setiap murid yang duduk di dalam bilik darjah saya mempelajari sesuatu yang bermakna. Ini bermakna, saya perlu mempertingkatkan kemahiran saya dari segi teknik pengajaran serta pedagogi pengajaran dan pembelajaran murid agar anak-anak murid saya dapat dapat manfaat daripadanya.

Sebagai seorang guru, saya dapat merasakan kepuasan apabila melihat murid-murid saya yakin dan fasih menggunakan bahasa Melayu bukan sahaja di dalam bilik darjah tetapi juga di luar bilik darjah. Juga, sebagai seorang guru yang reflektif, saya selalu bertanya kepada diri saya sama ada murid-murid saya dapat memahami dan mempelajari sesuatu pada hari itu. Seorang guru yang efektif bukan sahaja dapat menyampaikan pengajaran bahkan dapat memastikan bahawa setiap murid di dalam bilik darjah menggarap dan mempraktikkan apa-apa yang telah diajar pada hari itu.

Keyakinan murid berbahasa Melayu di luar bilik darjah tidak mungkin akan tercapai jika saya tidak memulakan ataupun menjadi contoh kepada murid-murid. Saya meluangkan masa dengan makan bersama murid-murid saya pada waktu rehat, ataupun mengadakan aktiviti-aktiviti seperti bahas dan berpantun apabila berjumpa di luar bilik darjah, murid-murid saya akan menggunakan bahasa Melayu untuk berinteraksi di luar bilik darjah.

Kesimpulannya, walaupun saya masih dianggap muda dalam bidang ini, saya berpendapat bahawa saya boleh menambah nilai dan juga mencuba sedaya upaya saya untuk memastikan bahawa amanah yang saya pikul sebagai seorang guru dapat dilaksanakan sebaik mungkin.

## Cabaran-cabaran yang dihadapi sepanjang kerjaya

Dalam abad yang ke-21, guru-guru harus memastikan bahawa setiap pengajaran dan pembelajaran dalam kelas menarik supaya dapat memikat hati dan tumpuan murid-murid. Hal ini kerana, mengikut peredaran masa, murid-murid sekarang lebih terdedah kepada penggunaan teknologi maklumat dan juga alat-alat yang canggih. Penggunaan Internet juga semakin berleluasa dalam kalangan murid zaman sekarang. Maka, cabarannya terletak di bahu guru yang akan merancang pengajaran yang menarik dengan menggunakan alat-alat peranti ataupun aplikasi yang menarik bagi pembelajaran murid-murid. Ini juga menunjukkan bahawa guru-guru zaman sekarang harus mempunyai pengetahuan yang agak luas bagi menyelamatkan penggunaan teknologi maklumat (IT) dalam pembelajaran murid. Melalui maklum balas murid-murid, perisian seperti “MS PowerPoint” sekarang dianggap agak membosankan kerana mereka seringkali menggunakannya.

Maka itu, guru harus mencari alternatif seperti menggunakan “Prezi”, “Mentimeter”, “Kahoot”, “StoryJumper” dan banyak lagi untuk memastikan bahawa guru dapat menambat hati murid-murid untuk mempelajari Bahasa Melayu. Namun, pada masa yang sama, guru juga harus ingat bahawa, penggunaan alat-alat IT, perisian ataupun aplikasi hanyalah untuk membantu proses pembelajaran demi mencapai objektif pembelajaran pada hari itu.

Cabaran-cabaran untuk guru memang akan sentiasa ada. Namun, untuk mengatasi cabaran-cabaran ini, kesanggupan guru itu sendiri untuk mempertingkatkan diri atau sebaliknya sangat penting.

## Detik paling manis dalam kerjaya sebagai guru

Detik manis bagi setiap guru apabila melihat murid-murid di dalam kelas berasa seronok dan pada masa yang sama dapat memahami serta mengaplikasikan apa-apa yang telah diajarkan. Ini jelas kelihatan di wajah murid-murid dan juga melalui kaca mata mereka sendiri. Sejujurnya, murid-murid tidak akan berasa ragu-ragu untuk menunjukkan perasaan mereka melalui raut wajah mereka.

Saya mempunyai seorang murid dari Belgium yang mengambil Bahasa Melayu di darjah 2. Murid itu tidak meminati Bahasa Melayu serta tidak mampu untuk bertutur dalam bahasa Melayu semasa penggal pertama. Murid-murid darjah 2 diwajibkan untuk menjalani program Drama dan Pertuturan selama 10 minggu yang dikendalikan oleh guru-guru yang mengajar darjah 2. Setelah dia menjalani program Drama dan Pertuturan di sekolah bagi murid-murid darjah 2 pada penggal 2, saya mendapati bahawa sikapnya terhadap Bahasa Melayu berubah. Murid itu sekarang sudah mampu bertutur dalam bahasa Melayu. Malah, dia merupakan antara murid yang pertama untuk menghafal skrip bagi pementasan. Hal ini juga kerana saya melibatkan ibu bapa untuk membantu anak mereka menghafal skrip, membuat kostum, menyolek anak-anak mereka dan yang penting sekali, saya menjemput kesemua ibu bapa ke sekolah untuk menonton pementasan anak-anak mereka di sekolah. Jelas terpampang di wajah setiap ibu bapa yang menunjukkan bahawa mereka bangga dengan persembahan anak-anak mereka di atas pentas. Murid-murid dapat bertutur dan berlakon di atas pentas dengan yakin di hadapan ramai penonton.

Sewaktu sesi maklum balas dengan ibu bapa, ramai ibu bapa, termasuk ibu bapa anak murid yang berasal dari Belgium itu mengucapkan terima kasih kerana mereka melihat perubahan yang positif dalam diri anak-anak mereka terhadap tahap keyakinan dan penggunaan bahasa Melayu.

## Harapan sebagai seorang guru

Harapan saya sebagai seorang guru ialah murid-murid saya dapat menggunakan bahasa Melayu bukan sahaja di dalam bilik darjah tetapi juga di luar bilik darjah dengan yakin. Hal ini untuk memastikan bahawa bahasa Melayu masih kekal relevan walaupun kita akur yang bahasa Inggeris merupakan bahasa yang sering digunakan oleh masyarakat majmuk Singapura.

Saya juga berharap agar saya sendiri dapat mempertingkatkan diri saya dari segi kemahiran pedagogi dan juga ilmu dalam bahasa Melayu. Saya akan menghadiri pelbagai kursus yang dapat membantu dan melengkapkan saya untuk menjadi guru yang lebih efektif dan aktif di dalam dan luar bilik darjah. Juga, saya akan lanjutkan pelajaran saya untuk mendapatkan ijazah dan mungkin PhD dalam bahasa Melayu satu hari nanti. Ini semua atas dasar untuk kebaikan diri saya dan juga anak-anak murid saya.





# Menjunjung Budi

Jawatankuasa penganjur AGAB 2017 merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada panel penilai peringkat akhir.

1. Encik Zainul Abidin Rasheed  
Duta Khas Menteri Ehwat Luar ke Timur Tengah dan  
Duta Besar Singapura ke Kuwait
2. Encik Hawazi Daipi  
Mantan Pengerusi MLLPC & MBMS
3. Puan Haslinda Zamani  
Superintenden  
Kementerian Pendidikan MOE
4. Encik Rosebi Haji Mohd Sah  
Editor Berita, Berita Harian  
Singapore Press Holdings, SPH
5. Dr Sa'eda Buang  
Pensyarah Kanan  
Institut Pendidikan Nasional, Universiti Teknologi Nanyang (NIE/ NTU)
6. Encik Abdul Hamid Abdullah  
Pengerusi  
Association of Muslim Professionals, AMP
7. Encik Hassan Salleh  
Naib Presiden  
Divisyen Siaran Melayu, Mediacorp Pte Ltd
8. Encik Wan Imran Mohd Woodjy  
Presiden  
Persatuan Guru Bahasa Melayu Singapura (PGBM)
9. Dr Mohd Aidil Subhan Md Sulor  
Pensyarah  
Institut Pendidikan Nasional, Universiti Teknologi Nanyang (NIE/ NTU)



## Menjunjung Budi

Jawatankuasa penganjur AGAB 2017 merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada panel penilai peringkat saringan

Dr Kartini Anwar

Pensyarah

Institut Pendidikan Nasional, Universiti Teknologi Nanyang (NIE/ NTU)

Cikgu Rohan Nizam Basheer

Yang Dipertua

Kesatuan Guru-Guru Melayu Singapura (KGMS)

Cikgu Siti Faridah Omar

Guru Pakar

Pusat Bahasa Melayu Singapura

Dr Suryani Atan

Pakar Kanan

Bahagian Teknologi Pendidikan

Kementerian Pendidikan, MOE

Puan Sharida Batcha Sahib

Pengetua

Sekolah Rendah South View

Dr Aishah Kassim

Pensyarah

Universiti Nasional Singapura (NUS)

Cikgu Asnah Asrap

Ahli

Persatuan Guru Bahasa Melayu Singapura (PGBM)

Puan Aini Maarof

Ahli

Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC)

Pengetua, Sekolah Menengah Unity

Cikgu Rahmat Subadah

Guru Pakar

Pusat Bahasa Melayu Singapura

Puan Rasidah Rahim

Pengetua

Sekolah Menengah Queenstown

# *Menjunjung Budi*

Jawatankuasa penganjur AGAB 2017 mengucapkan terima kasih kepada individu dan pertubuhan yang berikut:

## **Ilham dan Karya Tembikar AGAB 2017**

Cikgu Siti Nurhizah Mohamed Hassan

Arina Yusri

Danial Arfan Abdullah

Siti Hajar

## **Penyumbang Karya**

Nur Syamimi Haji Awalludin - BH

## **Pengacara Majlis AGAB 2017**

Cikgu Nuraina Mohamed Sin – Penerima AGAB 2014

Cikgu Azhar Abdul Rashid – Penerima AGAB 2016

Encik Dzar Ismail

## **Persembahan dalam Majlis AGAB 2017**

Murid-murid Sekolah Rendah Lakeside

Cikgu Farhana Damli

Cikgu Sharinah Ahmad

## **Watikah dan Sajak**

Cikgu Sazali Sahri – Penerima AGAB 2008

Cikgu Nur Abidah Abdul Rahman – Penerima AGAB 2015

Cikgu Rashidah Mohd Rasit – Penerima AGAB 2013

Encik Zafilin Abdul Hamid – Pengerusi Bersama AGAB 2017

Encik Tajudin Jaffar – Timbalan Pengerusi Bersama AGAB 2017

## **Penyambut Tamu Majlis dan Tenaga Kerja**

Siti Raihana Hussaini

Muhammad Firdaus Rahmat

## *Nota*



## *Nota*



